

TARIKH : 9 NOVEMBER 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 24

Subsidi bersasar elektrik minyak bantu capai defisit fiskal



Subsidi bersasar elektrik, minyak bantu capai defisit fiskal

Pelabur tunjuk minat bidang berpotensi, strategi jangka sederhana kini lebih jelas

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Pelaksanaan subsidi bersasar elektrik, diesel dan RON95 dijangka mampu membantu kerajaan mencapai sasaran defisit fiskal 3.5 peratus menjelang 2025, demikian menurut penganalisis.

CGS-CIMB dalam satu nota

penyelidikan berkata, ia melihat penjimatan datang daripada normalisasi harga komoditi global, sehubungan itu subsidi bersasar item yang dinyatakan adalah memadai untuk mengukuhkan imbang fiskal.

Ia berkata, berdasarkan pertemuan dengan beberapa pelabur institusi dalam dua minggu ini, didapati terdapat perubahan dalam sikap pelabur terhadap dasar kerajaan.

Katanya, terdapat penerimaan umum terhadap pandangan pihaknya bahawa mesej kerajaan mengenai rancangan dan strategi jangka sederhana kini lebih jelas.

Jelasnya, beberapa pelabur berminat untuk memahami beberapa bidang berpotensi di mana subsidi boleh dikurangkan dan seandainya perubahan besar diperlihatkan untuk mencapai sasaran defisit 3.5

peratus menjelang 2025.

"Kami menunjukkan bahawa sudah ada penjimatan yang datang daripada normalisasi harga komoditi global, manakala subsidi bersasar seperti elektrik, diesel dan RON 95 (lebih ke arah separuh kedua 2024), sudah memadai untuk mengukuhkan imbang fiskal.

"Kami juga mengetengahkan bahawa Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) boleh diperkenalkan secara beransur-ansur dan berperingkat kerana peningkatan hasil tambahan adalah tidak diperlukan untuk mencapai sasaran 3.5 peratus itu," katanya.

Bagaimanapun, CGS-CIMB berkata, pelaksanaan projek sebenar dan kelulusan Kabinet serta Parlimen yang kritikal dilihat perlahan.

Ia berkata, pihaknya berasa-

kan tahap kekecewaan memandang tidak ada keperluan mendesak untuk memulakan projek pemangkin, yang penting untuk mencapai agenda Ekonomi MADANI Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Segerakan projek baharu

"Walaupun mendapat galakan daripada butiran yang disediakan dalam Belanjawan 2024 seperti rancangan pelancaran bajet perbelanjaan pembangunan agresif sebanyak RM90 bilion, ditambah beberapa projek berprofil tinggi yang dianggap di luar lembaran imbang, kami percaya adalah penting supaya beberapa penganugerahan projek berlaku antara November 2023 hingga Mac 2024 untuk menjaga keyakinan yang lebih besar bahawa kerajaan serius

untuk membawa ekonomi ke peringkat seterusnya," katanya.

Ia menambah, berdasarkan laporan The Edge pada 6 November yang memetik Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad sebagai berkata bahawa penukaran tenaga sudah diluluskan oleh Kabinet.

Jelasnya, perkembangan itu adalah penting untuk meningkatkan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR).

"Kami akan memantau dengan teliti, antara lain, potensi anugerah untuk Pan Borneo Sabah Fasa 1B (RM15.7 bilion), Sarawak-Sabah Link Road (SSLR) (RM7.4 bilion), MRT3 (RM40 bilion hingga RM45 bilion), projek tebatan banjir (RM11.8 bilion) dan LRT Bayan Lepas (RM10 bilion)," katanya.